

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' HAJI MOHD. SALIM SHARIF  
[JEMPOL]**

**TARIKH : 7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status halal produk minuman Bubble Tea yang membanjiri pasaran negara dan tindakan Kerajaan bagi mengelakkan kekeliruan dalam kalangan umat Islam selaku pengguna serta kesan minuman tersebut terhadap kesihatan.

**JAWAPAN: (YB PUAN HAJJAH FUZIAH SALLEH, TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan melaksanakan sistem pensijilan halal Malaysia bagi membantu pengguna membuat pilihan dan mengenal pasti status halal sesuatu produk. Aspek halal, kualiti, keselamatan dan kebersihan atau dengan kata lain *tayyib* adalah menjadi asas kepada pensijilan halal. Bubble Tea bukanlah sejenis jenama malah ia adalah sejenis produk yang dihasilkan berdasarkan komponen ramuan. Sekiranya bubble tea yang dihasilkan daripada ramuan yang dipastikan halal atau mempunyai sijil halal serta memenuhi syarat dan mematuhi segala prosedur yang ditetapkan layak untuk dipersijilkan halal.
  
2. Bahan asas bagi “bubble tea” ini adalah diperbuat daripada beberapa bahan yang mana komponen utamanya adalah dari tepung ubi. Dalam hal ini, masyarakat pengguna perlu peka dan bijak memilih makanan dan minuman serta barang-barang keperluan yang berada di pasaran yang telah disahkan halal oleh pihak yang berautoriti dan juga yang badan pensijilan halal yang diiktiraf oleh JAKIM. Para pengguna juga boleh menyemak status halal bagi produk-produk bubble tea yang telah mendapat pensijilan halal ini melalui direktori halal di [www.halal.gov.my](http://www.halal.gov.my) atau melalui aplikasi telefon pintar iaitu “SMARTHALAL” dan “VERIFY HALAL”.

Sekian, terima kasih.